Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

Putuskan rantaian COVID-19! *Teranah* di rumah!, raih Pahala Syahid

SEPERTI yang diketahui umum, COVID-19 merupakan virus yang merebak dan membawa pada penyakit-penyakit berjangkit, yang boleh membawa pada kematian dalam skala yang besar.

Ada banyak cara untuk kita memutuskan mata rantai penularan virus COVID-19 yang kian mengancam dunia, begitu juga Negara Brunei Darussalam. Syaratnya, cuma memerlukan kerjasama, kerelaan dan komitmen bersama demi mewujudkan masyarakat negara kita yang kembali sihat juga tanpa kecemasan, seperti hari-hari sebelumnya.

Pandemik virus jenis baharu, yang menyebabkan penyakit COVID-19 masih melanda dunia dan ini tidak terkecuali Negara kita Brunei Darussalam. Namun demikian, masih saja ada masyarakat yang enggan berdiam diri di rumah untuk mencegah penularannya sebagaimana diminta dan diarahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Padahal, berdiam diri di rumah saat wabak melanda suatu negeri pernah disampaikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha. Bahkan, disebutkan mereka yang mahu berdiam diri, di kediaman masing-masing akan mendapatkan pahala setimpal dengan seorang yang mati syahid.

Bersandarkan pada situasi negara sekarang, kita selaku masyarakat dan penduduk di negara ini lebih-lebih lagi kita yang beragama Islam seharusnya mengambil serius akan arahan yang telah ditetapkan agar kita semasa wabak virus yang membunuh ini untuk kita tetap tinggal di rumah sebagai ikhtiar terbaik menghindari penyebaran virus si pembunuh kejam. Menghindarkan diri dari kemudaratan untuk menyelamatkan jiwa dari bahaya virus bukanlah satu penyeksaan bagi kita, bahkan ia merupakan sebahagian dari inti ajaran Islam dalam maqasid syariah, iaitu menjaga / menyelamatkan jiwa.

Bercakap mengenai dengan perintah '*teranah* di rumah' dan kebaikan juga apa yang kita boleh fahami mengenainya, Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam, turut memberikan penjelasan dan pendapatnya mengenai dengan '*teranah* di rumah', antara penjelasan tersebut :

1) Perintah Ulil Amri

Seruan '*teranah* di rumah' bukan laungan biasa, malahan ia satu perintah yang datangnya daripada kerajaan yang mewakili pemimpin tertinggi. Sedangkan kita maklum, bahawa mentaati pemerintah merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Nisaa', ayat 59 mafhumnya : *"Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah, taatlah kamu kepada Rasulullah serta (taatlah kepada) Ulil Amri (para pemimpin) dari kalangan kamu".*

Sewajarnya, jelas Awang Haji Sammali, di mana kita selaku rakyat menjunjung tinggi perintah ini demi untuk kebajikan bersama. Mempertikaikan atau melanggar saranan ini bermakna kita mengingkari pemerintah yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Oleh yang demikian, sekiranya sebarang arahan yang dikeluarkan oleh pemerintah itu merupakan suatu kebaikan yang mendatangkan maslahat kepada rakyat, sama ada arahan tersebut disukai oleh kita atau tidak, namun sekiranya ia bukan maksiat, maka wajib hukumnya arahan tersebut untuk dipatuhi.

Menurut penjelasan Awang Haji Sammali lagi, ia merupakan arahan yang terbina demi menjaga maslahat masyarakat juga menghalang kemudaratan berlaku kepada rakyat. Arahan ini setelah berlakunya perbincangan demi perbincangan dengan badan-badan berautoriti bersama pakar-pakar dalam bidang masing-masing.

2) Mengelak Dari Bahaya

Selain itu, '*teranah* di rumah' ini adalah salah satu dari usaha mengekang penularan wabak penyakit berjangkit, dan Islam amat menitikberatkan soal pencegahan, seperti yang disebut dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala, mafhumnya *"Janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke arah kebinasaan".* (Surah Al-Baqarah, ayat 195)

Apabila kita sentiasa berada di rumah, kita dapat mengelak diri daripada dijangkiti penyakit ini. Dalam sebuah hadis, yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : *"Larilah daripada penyakit berjangkit, seperti mana kamu lari daripada singa".* Riwayat Bukhari.

Melarikan daripada penyakit ujar Awang Haji Sammali pula, ialah membawa maksud menjauhkan diri dari tempat-tempat yang berkemungkinan dijangkiti virus. Ini, termasuk juga di dalam kaedah sebagai langkah menjaga nyawa. Dalam situasi sebegini, kita berikhtiar dengan mengambil inti pati daripada kata-kata hikmah yang berbunyi, 'mencegah lebih baik daripada merawat'. Kehidupan dalam situasi pandemik, di mana persekitaran kita terdedah dengan wabak penyakit yang kita tidak mengetahuinya. Jalan selamat adalah dengan '*teranah* di rumah'.

3) Pahala '*teranah* di rumah'

Dalam hal ini, terdapat beberapa riwayat yang dijadikan sebagai sandaran bagi anjuran untuk '*teranah* di rumah' tersebut. Antaranya adalah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Al-Mu'minin Aisyah Radiallahuanha berkata : *"Aku bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang penyakit taun, lalu Baginda bersabda maksudnya : "Sesungguhnya ia adalah azab yang Allah hantar kepada siapa sahaja yang Dia kehendaki. Dan Allah menjadikan ia sebagai rahmat kepada orang beriman. Tidak ada seorang pun saat berlakunya taun lalu dia duduk di negerinya dengan penuh kesabaran dan mengharapkan ganjaran pahala, dan dia tahu bahawa dia tidak akan ditimpa musibah melainkan apa yang telah Allah tetapkan buatnya, melainkan dia akan mendapat seperti ganjaran pahala orang yang syahid".* Hadis Riwayat Imam Ahmad.

Daripada hadis ini, ujar Awang Haji Sammali menambah, dapat difahami, bahawa pahala orang '*teranah* di rumah' ketika berlakunya penularan wabak ini akan memperoleh Pahala Syahid. Yang penting, bagi kita adalah menghadapi dengan penuh sabar dan mengharap ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping menambah keimanan dengan meyakini, bahawa tidak ada sebarang mudarat yang akan berlaku kepada dirinya, melainkan ia merupakan suatu ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka, jelas Awang Haji Sammali lagi, seperti yang diketahui umum COVID-19 merupakan virus yang merebak dan membawa pada penyakit-penyakit berjangkit yang boleh membawa pada kematian dalam skala yang besar. Justeru, '*teranah* di rumah' adalah alternatif berkesan, di samping kita melakukan pengisian bercorak aktiviti-aktiviti jasmani dan rohani.

'*Teranah* di rumah' tidak membahayakan orang lain :

Tidak cuma mencegah tindakan yang membahayakan diri sendiri, Islam juga sudah barang tentu melarang umatnya untuk mencelakai orang lain. Hal ini sesuai dengan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam;

"Tidak boleh ada bahaya dan tidak boleh membahayakan orang lain". (HR. Ad-Daraquthni, Al-Baihaqi, dan Al-Hakim)

Sebagai kesimpulan dengan mematuhi arahan Ulil Amri dan Kementerian Kesihatan tersebut mengajar kita supaya saat berlakunya wabak atau penyakit berjangkit, di kawasan kita, kita tidak dituntut untuk keluar dari kawasan tersebut bagi melarikan diri. Bahkan kita dituntut untuk kekal di dalam rumah bagi mengekang penularan wabak tersebut.

Demikian juga hal ini, bertepatan dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muadz bin Jabal Radiallahuanhu, beliau berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan tentang lima perkara, di mana jika seseorang itu melakukan salah satunya, maka dia berada di bawah jaminan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya :

Maksudnya : "*Atau seseorang yang duduk di dalam rumahnya lalu manusia selamat darinya dan dia juga selamat dari manusia".*

Sehubungan itu, mereka yang menetap di dalam rumah dalam tempoh wabak berlaku dengan penuh kesabaran dan mengharapkan pahala, setelah mengambil semua usaha juga daya bagi menjaga keselamatan diri dan kemudiannya meyakini, bahawa tidak ada yang menimpa dirinya, melainkan ia merupakan ketentuan Allah, maka dirinya akan mendapat pahala syahid sekalipun dia tidak mati disebabkan wabak tersebut.